



TEKS UCAPAN MENTERI KERJA RAYA

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI

MAJLIS AMANAT TAHUN BARU DAN PERHIMPUNAN BULANAN

BERSAMA YB MENTERI KERJA RAYA BAGI BULAN JANUARI

2023

10 JANUARI 2022

DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID

PENDAHULUAN

Salam sejahtera dan salam hormat kepada seluruh warga Kerja Raya yang saya kasihi.

1. Pertamanya, saya amat berbesar hati kerana dapat bertemu dengan semua warga kerja Kementerian Kerja Raya (KKR) buat pertama kalinya di platform Majlis Amanat Perhimpunan Bulanan, sebagai pembuka tirai tahun 2023. Banyak yang telah dilalui oleh warga KKR sepanjang tahun lalu. Namun, saya percaya semua cabaran ini tidak sesekali mematahkan semangat kita untuk terus berkhidmat kepada rakyat dan negara.
2. Berbekalkan keyakinan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu kepada seluruh Warga Kerja Raya. Ketibaan tahun baharu ini juga turut membuka lembaran baharu kepada pasukan KKR dan juga saya secara peribadinya, selepas dilantik sebagai Menteri Kerja Raya yang baharu di bawah pentadbiran Kerajaan Perpaduan. Besar harapan saya agar tahun 2023 akan memberikan sinar dan semangat baru untuk kita semua.

BENCANA MONSUN TIMUR LAUT (MTL)

3. Seperti yang kita sedia maklum, negara kita telah berhadapan kedatangan musim Monsun Timur Laut (MTL), yang telah mengakibatkan taburan hujan luar biasa, bermula penghujung tahun 2022. Bencana banjir dan tanah runtuh telah berlaku di beberapa buah negeri seperti di Negeri Pahang, Terengganu, Kelantan dan beberapa buah negeri lain.

4. Saya sendiri telah membuat tinjauan di beberapa lokasi yang terlibat dalam bencana ini seperti di lokasi kejadian cerun runtuh di tapak perkhemahan Father's Organic Farm, Batang Kali, Selangor, lokasi jalan runtuh di laluan FT1275 Kuala Pilah 1275 Seksyen 2.7 Jalan Felda Kepis, Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan juga tinjauan banjir di negeri Kelantan.

5. Pada kesempatan ini saya ingin menzahirkan rasa terima kasih kepada seluruh warga Kerja Raya khususnya Jabatan Kerja Raya di peringkat daerah dan negeri yang telah bertungkus lumus dalam memastikan keselamatan pengguna jalan raya sepanjang tempoh bencana berlangsung. Bilik Gerakan Bencana (BigBen), Jabatan Kerja Raya Malaysia juga telah beroperasi selama 24 jam ketika waktu

puncak musim bencana bagi mengemaskini info – info berkenaan status terkini aset jalan raya dan jambatan yang terjejas akibat banjir.

6. Selain itu, Misi Banjir JKR Pantai Timur #JKRPrihatin Terengganu dan Kelantan telah melaksanakan misi menghantar barangan keperluan dan makanan ke daerah-daerah yang terjejas di negeri Terengganu dan negeri Kelantan akibat bencana banjir besar. Skuad #JKRPrihatin dengan kekuatan seramai 13 orang telah membawa 100 beg bantuan untuk diagihkan dan diserahkan kepada mangsa-mangsa yang terjejas. Skuad #JKRPrihatin juga turut menziarahi keluarga mangsa renjatan elektrik di Kampung Bendang Surau. Semoga sumbangan yang diberikan oleh warga KKR, JKR dan orang awam dapat membantu serba sedikit keperluan harian mangsa-mangsa banjir. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua yang terlibat!

8. Rentetan daripada inisiatif ini, saya berharap komitmen padu terus diberikan dalam **agenda membaik pulih aset yang terjejas akibat bencana alam ini, terutamanya yang melibatkan infrastruktur jalan raya. Kerja-kerja pembaikan dan pemantauan berterusan perlu dilaksanakan segera** bagi memastikan hak dan kebajikan rakyat

terjaga. Keselamatan pengguna jalan raya adalah menjadi tanggungjawab kita bersama.

BELANJA MENGURUS DAN BELANJA PEMBANGUNAN KKR 2023

Hadirin yang saya hormati sekalian,

9. Akta Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022 telah diluluskan oleh Parlimen pada 21 Disember 2022 di bawah perkara 102(a) Perlembagaan Persekutuan. Akta ini memperuntukkan sejumlah RM432.6 juta di bawah Belanja Mengurus dan RM3.528 bilion di bawah Belanja Pembangunan. Kerajaan akan membentangkan Belanjawan 2023 yang penuh dalam masa terdekat. Dalam Belanjawan itu nanti Kementerian Kewangan akan mempertimbangkan keperluan sebenar setiap Kementerian bagi tahun 2023 berdasarkan kepada polisi-polisi baru kerajaan kelak. Saya berharap agar Kementerian Kewangan dapat meluluskan baki peruntukan yang diperlukan oleh Kementerian ini bagi membolehkan KKR melaksanakan fungsi-fungsi dengan berkesan serta penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dapat dilaksanakan dengan efektif serta efisien.

10. Sudah pasti dalam apa jua keadaan, KKR akan terus mengambil inisiatif-inisiatif yang selari dengan hasrat Kerajaan untuk mengimbangi pertumbuhan dengan konsolidasi fiskal yang mempunyai impak secara langsung kepada rakyat, penggiat industri pembinaan dan pembangunan sektor pembinaan itu sendiri bagi menghadapi cabaran ketidaktentuan ekonomi global.

PROJEK PEMBANGUNAN KEMENTERIAN KERJA RAYA

11. Pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sabah dan Sarawak merupakan inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk menambahbaik secara berperingkat jaringan infrastruktur jalan raya Persekutuan di Sabah dan Sarawak. Bagi Fasa 1 Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sabah dengan anggaran jarak keseluruhan 706 km, 15 pakej kerja kini sedang dilaksanakan dengan status kemajuan sehingga Disember 2022 adalah 71% dan dijangka siap pada suku pertama tahun 2025. Manakala satu (1) pakej kerja baharu yang melibatkan laluan dari Serusop ke Pituru pula dijangka akan mula pembinaan suku pertama 2023, menjadikan keseluruhan 16 pakej kerja akan dilaksanakan buat masa kini. Bagi Projek LPB Sarawak sepanjang 786 km, status kemajuan bagi 11 pakej kerja dari Telok Melano ke Miri sehingga

Disember 2022 adalah 91% siap dan dijangka siap sepenuhnya pada suku ketiga tahun 2023.

12. Sarawak - Sabah Link Road (SSLR) Fasa 1 merupakan jalan yang akan menghubungkan Sarawak dan Sabah tanpa perlu melalui negara Brunei. Jajaran SSLR Fasa 1 akan menghubungkan Bandar Lawas sehingga Long Lopeng (Lawas – Persimpangan Long Lopeng) sepanjang 77km dengan peruntukan sebanyak RM1.2 bilion. Projek ini sedang dalam pembinaan dengan tempoh kontrak bermula pada 9 Ogos 2021 dan dijangka siap pada 8 Januari 2026 (53 bulan).

13. Komitmen kerajaan jelas dalam memastikan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat terus diberi keutamaan manakala agenda pertumbuhan ekonomi negara terus diperkasa dan diberi sokongan dalam fasa pemulihan dan pertumbuhan ekonomi masa kini.

KERAJAAN PERPADUAN – PEMANTAPAN INTEGRITI PENJAWAT AWAM

14. Kerajaan Perpaduan pimpinan Perdana Menteri YAB Datuk Seri Anwar Bin Ibrahim meletakkan komitmen yang tinggi bagi memantapkan elemen integriti dalam pentadbirannya. Dalam ucapannya semasa

Perjumpaan Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) baru-baru ini, beliau menyeru penjawat awam supaya bekerjasama dengan kepimpinan Kerajaan Perpaduan untuk membawa perubahan bagi menyelamatkan negara memandangkan tahap pencapaian Malaysia yang gah pada suatu masa dahulu kini dilihat merosot. YAB Perdana Menteri juga menegaskan agar budaya lama seperti meluluskan projek tanpa tender serta kebocoran dan ketirisan yang berleluasa mesti segera dihentikan di setiap peringkat di semua kementerian, jabatan dan agensi. Perkara ini perlu dilaksanakan bagi mewujudkan tadbir urus yang baik dan cekap.

15. Bersempena Hari Anti Rasuah Antarabangsa (HARA) 2022 yang disambut pada 9 Disember 2022, YAB Perdana Menteri berkata agenda reformasi terutamanya dalam usaha pencegahan rasuah tidak hanya terhad kepada penguatkuasaan. Sebaliknya, nilai-nilai seperti integriti, berakhlak tinggi, menjayakan tugas dengan penuh beretika adalah aspek yang perlu diterapkan dalam kehidupan seharian kita. Sejak dari hari pertama saya menjejakkan kaki ke Kementerian ini, saya sudah menekankan tentang konsep 'open door policy' dan 'ease of doing business' kepada warga KKR dalam usaha Kementerian ini membantu menyumbang kepada usaha membangunkan semula negara. Namun,

konsep ini haruslah diterapkan dengan penuh integriti dan amanah, selari hasrat Kerajaan dalam memerangi rasuah.

PEMBANGUNAN ICT KEMENTERIAN KERJA RAYA

Hadirin yang saya hormati,

16. Bagi mencapai hala tuju pembangunan ICT Kementerian Kerja Raya dan Agensi di bawahnya, Bahagian Pengurusan Maklumat KKR telah mewujudkan **Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian Kerja Raya (PSP KKR)** yang telah menggariskan inisiatif-inisiatif utama pendigitalan bagi tempoh 5 tahun (2021-2025) untuk memacu transformasi pendigitalan di Kementerian Kerja Raya dan Agensi di bawahnya secara menyeluruh.

17. Berdasarkan status semasa bagi keseluruhan 33 program yang dirancang di bawah Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian Kerja Raya (PSP KKR) sehingga Disember 2022, sebanyak 12 program telah selesai dilaksanakan, 14 program sedang dalam pelaksanaan dan 7 program akan dilaksanakan menjelang tahun 2025.

HARI PROFESION TEKNIKAL NEGARA 2022

18. “Mengungguli Teknologi Melonjak Pembangunan” adalah tema sambutan Hari Profesion Teknikal Negara tahun 2022. Tahniah saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan sambutan HPTN 2022 ini. Antara objektif utama sambutan HPTN ini adalah bagi menghargai jasa golongan yang terlibat dalam profesion teknikal yang telah memberikan sumbangan signifikan dan impak yang besar dalam sektor ekonomi negara. Peranan yang dimainkan oleh profesion teknikal bukan sahaja dapat membantu memacu ekonomi malah meningkatkan lagi kualiti hidup masyarakat.

19. Bersempena dengan sambutan ini, antara fokus utama yang diberikan perhatian adalah berkenaan *task force* oleh Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) bagi **mengkaji gaji permulaan para jurutera di negara ini**. Kajian perlu dilakukan berikutan isu gaji permulaan profesion teknikal dalam negara ini dikatakan agak rendah jika dibandingkan dengan negara-negara di luar. Isu gaji ini mungkin menjadi faktor utama kurangnya minat golongan muda untuk menceburi bidang tersebut. Berdasarkan maklumat dari BEM, nisbah jurutera kepada penduduk negara ini hanya 1:170 sahaja berbanding dengan negara maju yang lain.

20. Sambutan HPTN ini perlu diteruskan bagi menyampaikan wadah ilmu bagi memberi pendedahan mengenai keunikan dan kelebihan menceburi profesion teknikal, di samping memupuk minat dan kecintaan generasi muda dalam bidang teknikal ini.

PELAN STRATEGIK ORGANISASI (PSO) KKR

Hadirin yang saya hormati sekalian,

21. Tahun 2022 yang lalu telah menyaksikan CIDB telah berjaya memenuhi KPI Pelan Strategik Organisasi (PSO) KKR di bawah strategi Meningkatkan Daya Saing Industri Pembinaan di Peringkat Global. Dua program telah dilaksanakan dan salah satunya adalah pembangunan profil negara UAE dan Qatar yang bertujuan mengemaskini serta mengenalpasti daya tarikan negara berpotensi untuk diterokai. Program kedua adalah pelaksanaan 4 program peningkatan daya saing antarabangsa iaitu lawatan rasmi ke UAE dan Qatar bersempena acara Ekspo Dubai pada Mac 2022, penganjuran misi pembinaan ke United Kingdom pada Jun, pameran Construction Indonesia 2022 (CI2022) di Jakarta, dan mengadakan *Business Networking-Indonesia Construction Market Outlook 2022* (ICMO) juga di Jakarta, pada September.

22. Melalui inisiatif pembangunan dan pemudahcara profesional pembinaan, CIDB sedang berkolaborasi dengan pihak industri melalui usaha kajian semula *CIDB Standard Form of Contract [2000 Edition]* untuk disesuaikan dengan perkembangan dan keperluan industri semasa. Dokumen *CIDB Standard Form of Contract [Edition 2022]* yang disemak semula adalah berkonsepkan kolaboratif yang mengambilkira kepentingan kedua-dua belah pihak yang terlibat dalam kontrak. Draf pertama dokumen telah dibentangkan kepada jawatankuasa teknikal pada 14 Disember 2022 dan akan diterbitkan untuk ulasan umum serta dimuktamadkan pada 2023.

DASAR PEMBINAAN NEGARA (NCP2030)

23. Dalam meneraju transformasi berterusan sektor pembinaan pula, NCP 2030 yang telah dilancarkan pada 9 November 2021, yang memberi kepada pelaksanaan NCP2030 pada tahun 2022. Pembentukan enam (6) *Technical Working Group* (TWG) yang melibatkan semua jabatan dan agensi di bawah KKR serta penggiat industri pembinaan akan dapat memastikan pelan tindakan pelaksanaan dasar tersebut diselaraskan semula dengan dasar-dasar Kementerian yang lain termasuk *Construction 4.0 Strategic Plan (2021-2025)*, *Malaysian ITS Blueprint (2019-2023)*, *Highway Network Development*

Plan (HNDP) 2030 dan Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (DPAK). Ini juga termasuk dasar-dasar akan datang seperti Dasar Pembangunan Jalan Raya dan Lebuhraya (DPJL) dan Dasar Senggara Infrastruktur Negara (DSIN).

24. Pelaksanaan NCP2030 juga telah diwar-warkan melalui pelbagai program perkongsian yang disertai oleh pengurusan tertinggi KKR seperti *Webinar, Town Hall Session, Sesi Libat Urus* dan *Dialog KKR*. Melalui kerjasama strategik antara agensi, kumpulan kerja teknikal, kumpulan perancangan antara agensi dan program yang berkaitan, saya percaya NCP 2030 akan menjadi *game changer* bagi mengukuh dan memperkasakan pembangunan sektor pembinaan negara merangkumi aspek produktiviti, kualiti, keselamatan, kelestarian dan kemampanan, pengurusan infrastruktur serta pengantarabangsaan sekaligus membawa sektor pembinaan Malaysia merangkul era digitalisasi.

PENUTUP

25. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada hari ini, saya ingin menyampaikan hasrat saya agar kita semua dapat bekerjasama dan memberikan komitmen padu sepanjang tahun 2023 ini. Jadikan setiap aduan rakyat yang diterima sebagai pemangkin semangat untuk kita

terus maju, menjadi lebih kreatif dan berdaya saing serta pemangkin kepada penyampaian perkhidmatan yang terbaik. Teruskan iltizam menyampaikan perkhidmatan berimpak tinggi dengan cemerlang dan berintegriti sepanjang masa.

Akhir kata, selamat maju jaya dan sekian terima kasih.